

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2006

**PENETAPAN SEMULA NILAI TARAF BARU BAGI
KELAYAKAN-KELAYAKAN IJAZAH SARJANA MUDA
DALAM BIDANG SASTERA DAN SAINS KEMASYARAKATAN
DARI UNIVERSITI-UNIVERSITI DI MESIR DAN ARAB SAUDI**

TUJUAN

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan nilai taraf baru bagi kelayakan-kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera dan Sains Kemasyarakatan seperti Pengajian Islam, Usuluddin, Bahasa Arab dan sebagainya dari universiti-universiti di Mesir dan Arab Saudi bagi maksud lantikan ke jawatan-jawatan yang bersesuaian dalam skim perkhidmatan kerajaan.

LATAR BELAKANG

2. Kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera dan Sains Kemasyarakatan dari universiti-universiti di Mesir dan Arab Saudi telah diiktiraf oleh kerajaan setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Am / Lulus atau Kepujian mengikut tahap kelulusan seperti berikut:

- (i) Pencapaian di peringkat *Jayyid* (Baik) (60% - 100%) dan ke atas diiktiraf setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian dari universiti-universiti tempatan; dan
 - (ii) Pencapaian di peringkat *Maqbul* (Lulus) (50% - 59%) diiktiraf setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Am / Lulus dari universiti-universiti tempatan.
3. Manakala kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang sama dari universiti-universiti di Jordan diiktiraf oleh Kerajaan sebagai setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian tanpa mengambil kira tahap kelulusan seperti di atas.
4. Berdasarkan kepada pengiktirafan dan nilai taraf di atas, pemegang-pemegang kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera dan Sains Kemasyarakatan dari universiti-universiti di Mesir dan Arab Saudi adalah layak dipertimbangkan untuk lantikan ke jawatan-jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang mensyaratkan Ijazah Sarjana Muda sebagai kelayakan masuk minimum.
5. Untuk jawatan-jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional lainnya yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat Ijazah Sarjana Muda Kepujian, siswazah-siswazah dari universiti-universiti di Jordan layak dipertimbangkan untuk lantikan manakala pemegang kelayakan dari universiti-universiti di Mesir dan Arab Saudi adalah perlu memiliki kedua-dua Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1987 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1989.

PENETAPAN SEMULA NILAI TARAF

6. Memandangkan terdapat perbezaan dari segi nilai taraf kelayakan dari universiti-universiti di Jordan dan negara-negara di Mesir dan Arab Saudi, maka pada tahun 2001 kerajaan telah membuat kajian dan bersetuju supaya lawatan penilaian semula kelayakan

bidang Sastera dan Sains Kemasyarakatan ke universiti-universiti di Mesir dan Arab Saudi diadakan bagi melihat secara terperinci program-program pengajian yang dijalankan di negara-negara berkenaan.

7. Lanjutan daripada lawatan penilaian tersebut, kerajaan telah bersetuju menetapkan nilai taraf baru bagi semua kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera dan Sains Kemasyarakatan dari universiti-universiti di Mesir dan Arab Saudi sebagai setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian bagi semua peringkat kelulusan termasuk *Maqbul* berkuatkuasa bagi pelajar-pelajar yang berdaftar selepas 21 April 2003. Penetapan semula nilai taraf ini melibatkan universiti-universiti di Mesir dan Arab Saudi seperti berikut:

Mesir

- (i) Universiti Al-Azhar (semua cawangan);
- (ii) Universiti Cairo;
- (iii) Universiti Alexandria;
- (iv) Universiti Ain Shams; dan
- (v) Universiti Assiut.

Arab Saudi

- (i) Universiti Omm Al-Qura, Mekah;
- (ii) Universiti Al-Malek Saud, Riyadh;
- (iii) Universiti Islam Iman Mohamad bin Saud, Riyadh;
- (iv) Universiti Al-Malek Feisal, Ehsa;
- (v) Universiti Al-Malek Abdul Aziz, Jeddah; dan
- (vi) Universiti Islam Madinah, Madinah.

8. Dalam masa yang sama, kerajaan telah bersetuju menurunkan nilai taraf kelayakan Syahadah Takhassus Qiraat dari Maahad Qiraat Al-Azhar, Mesir daripada setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda kepada setaraf dengan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Penurunan nilai taraf ini menyebabkan pemegang-pemegang

kelayakan menghadapi masalah untuk dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam. Lanjutan daripada permasalahan tersebut maka kerajaan telah menjalankan kajian semula dan seterusnya bersetuju mengiktiraf kelayakan Syahadah Takhassus Qiraat dari Maahad Qiraat Al-Azhar, Mesir setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian berkuatkuasa pada 21 April 2003. Manakala pada 13 April 2006, pengiktirafan yang diberi oleh kerajaan sebelum ini ke atas semua kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera dan Sains Kemasyarakatan dari universiti-universiti di Arab Saudi dan Mesir seperti yang dinyatakan di para 7 di atas telah dipanjangkan kepada semua pemegang kelayakan tanpa mengambil kira tarikh kemasukan atau bergraduat.

PERUBAHAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN

9. Dengan berkuat kuasanya nilai taraf baru seperti di perenggan 7 dan 8, semua pemegang kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera dan Sains Kemasyarakatan (bagi semua peringkat kelulusan) dari universiti-universiti di Mesir dan Arab Saudi seperti di para 7 di atas dan kelayakan Syahadah Takhassus Qiraat dari Maahad Qiraat Al-Azhar, Mesir adalah layak dipertimbangkan untuk lantikan ke skim-skim perkhidmatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dengan ditawarkan gaji permulaan berdasarkan kelayakan Ijazah Sarjana Muda Kepujian seperti ketetapan dalam skim perkhidmatan berkaitan, walaupun syarat kelayakan minimum adalah di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

10. Pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam skim-skim perkhidmatan Gred 41, Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang dilantik berdasarkan kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera dan Sains Kemasyarakatan yang memperoleh kelulusan di peringkat *Maqbul* dari universiti-universiti di Mesir dan Arab Saudi, hendaklah ditetapkan gajinya pada tarikh kuat kuasa mengikut kaedah seperti berikut:

- (a) **Skim Perkhidmatan Yang Menetapkan Gaji Permulaan P1T1 Bagi Ijazah Sarjana Muda Dan P1T3 Bagi Ijazah Sarjana Muda Kepujian**
- i) pegawai Gred 41 yang dilantik **sebelum 13 April 2006 dan berada di matagaji P1T2 dan ke bawah** hendaklah ditetapkan di matagaji P1T3;
 - ii) pegawai Gred 41 yang dilantik **sebelum 13 April 2006 dan telah berada di matagaji P1T3 dan ke atas** tidak terlibat dengan penetapan gaji permulaan yang baru ini; dan
 - iii) pegawai Gred 41 yang dilantik **pada atau selepas 13 April 2006** hendaklah ditetapkan di matagaji P1T3.
- (b) **Skim Perkhidmatan Yang Menetapkan Gaji Permulaan P1T2 Bagi Ijazah Sarjana Muda Dan P1T3 Bagi Ijazah Sarjana Muda Kepujian**
- i) pegawai Gred 41 yang dilantik **sebelum 13 April 2006 dan berada di matagaji P1T2** hendaklah ditetapkan di matagaji P1T3;
 - ii) pegawai Gred 41 yang dilantik **sebelum 13 April 2006 dan telah berada di matagaji P1T3 dan ke atas** tidak terlibat dengan penetapan gaji permulaan yang baru ini; dan
 - iii) pegawai Gred 41 yang dilantik **pada atau selepas 13 April 2006** hendaklah ditetapkan di matagaji P1T3.

(c) **Skim Perkhidmatan Yang Menetapkan Gaji Permulaan P1T2 Bagi Ijazah Sarjana Muda Dan P1T4 Bagi Ijazah Sarjana Muda Kepujian**

- i) pegawai Gred 41 yang dilantik **sebelum 13 April 2006 dan berada di matagaji P1T3 dan ke bawah** hendaklah ditetapkan di matagaji P1T4;
- ii) pegawai Gred 41 yang dilantik **sebelum 13 April 2006 dan telah berada di matagaji P1T4 dan ke atas** tidak terlibat dengan penetapan gaji permulaan yang baru ini; dan
- iii) pegawai Gred 41 yang dilantik **pada atau selepas 13 April 2006** hendaklah ditetapkan di matagaji P1T4.

(d) **Skim Perkhidmatan Yang Menetapkan Gaji Permulaan P1T2 Bagi Ijazah Sarjana Muda Dan P1T5 Bagi Ijazah Sarjana Muda Kepujian**

- i) pegawai Gred 41 yang dilantik **sebelum 13 April 2006 dan berada di matagaji P1T4 dan ke bawah** hendaklah ditetapkan di matagaji P1T5;
- ii) pegawai Gred 41 yang dilantik **sebelum 13 April 2006 dan telah berada di matagaji P1T5 dan ke atas** tidak terlibat dengan penetapan gaji permulaan yang baru ini; dan
- iii) pegawai Gred 41 yang dilantik **pada atau selepas 13 April 2006** hendaklah ditetapkan di matagaji P1T5.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

11. Pergerakan Gaji Tahunan Pegawai Gred 41 yang berkhidmat sebelum 13 April 2006 hendaklah ditetapkan seperti berikut:

- (a) **Skim Perkhidmatan Yang Menetapkan Gaji Permulaan P1T1 Bagi Ijazah Sarjana Muda Dan P1T3 Bagi Ijazah Sarjana Muda Kepujian**
- i) pegawai yang berada di matagaji P1T2 yang mana Tarikh Pergerakan Gaji tahunannya pada 1 Julai atau 1 Oktober hendaklah diberi pergerakan gaji terlebih dahulu pada 13 April 2006 ke matagaji P1T3. Oleh yang demikian pegawai tidak terlibat dengan penetapan gaji permulaan yang baru; dan
 - ii) pegawai yang berada di matagaji P1T1 yang mana Tarikh Pergerakan Gaji Tahunannya pada 1 Julai atau 1 Oktober hendaklah diberi pergerakan gaji terlebih dahulu pada 13 April 2006 sebelum ditetapkan ke matagaji P1T3.
- (b) **Skim Perkhidmatan Yang Menetapkan Gaji Permulaan P1T2 Bagi Ijazah Sarjana Muda Dan P1T3 Bagi Ijazah Sarjana Muda Kepujian**
- i) pegawai yang berada di matagaji P1T2 yang mana Tarikh Pergerakan Gaji Tahunannya pada 1 Julai atau 1 Oktober hendaklah diberi pergerakan gaji terlebih dahulu pada 13 April 2006 ke matagaji P1T3. Oleh yang demikian pegawai tidak terlibat dengan penetapan gaji permulaan yang baru.

(c) **Skim Perkhidmatan Yang Menetapkan Gaji Permulaan P1T2 Bagi Ijazah Sarjana Muda Dan P1T4 Bagi Ijazah Sarjana Muda Kepujian**

- i) pegawai yang berada di matagaji P1T3 yang mana Tarikh Pergerakan Gaji Tahunannya pada 1 Julai atau 1 Oktober hendaklah diberi pergerakan gaji terlebih dahulu pada 13 April 2006 ke matagaji P1T4. Oleh yang demikian pegawai tidak terlibat dengan penetapan gaji permulaan yang baru; dan
- ii) pegawai yang berada di matagaji P1T2 yang mana Tarikh Pergerakan Gaji Tahunannya pada 1 Julai atau 1 Oktober hendaklah diberi pergerakan gaji terlebih dahulu pada 13 April 2006 sebelum ditetapkan ke matagaji P1T4.

(d) **Skim Perkhidmatan Yang Menetapkan Gaji Permulaan P1T2 Bagi Ijazah Sarjana Muda Dan P1T5 Bagi Ijazah Sarjana Muda Kepujian**

- i) pegawai yang berada di matagaji P1T4 yang mana Tarikh Pergerakan Gaji Tahunannya pada 1 Julai atau 1 Oktober hendaklah diberi pergerakan gaji terlebih dahulu pada 13 April 2006 ke matagaji P1T5. Oleh yang demikian pegawai tidak terlibat dengan penetapan gaji permulaan yang baru; dan
- ii) pegawai yang berada di matagaji P1T3 dan ke bawah yang mana Tarikh Pergerakan Gaji Tahunannya pada 1 Julai atau 1 Oktober hendaklah diberi pergerakan gaji terlebih dahulu pada 13 April 2006 sebelum ditetapkan ke matagaji P1T5.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

12. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi pegawai yang dilantik sebelum 13 April 2006 hendaklah ditetapkan seperti berikut:

- (a) **Skim Perkhidmatan Yang Menetapkan Gaji Permulaan P1T1 Bagi Ijazah Sarjana Muda Dan P1T3 Bagi Ijazah Sarjana Muda Kepujian**

TPG bagi pegawai yang dilantik mulai 1 Julai 2004 hingga 12 April 2006 hendaklah ditetapkan pada 1 April tahun berikutnya.

- (b) **Skim Perkhidmatan Yang Menetapkan Gaji Permulaan P1T2 Bagi Ijazah Sarjana Muda Dan P1T3 Bagi Ijazah Sarjana Muda Kepujian**

TPG bagi pegawai yang dilantik mulai 1 Julai 2005 hingga 12 April 2006 adalah ditetapkan pada 1 April tahun berikutnya.

- (c) **Skim Perkhidmatan Yang Menetapkan Gaji Permulaan P1T2 Bagi Ijazah Sarjana Muda Dan P1T4 Bagi Ijazah Sarjana Muda Kepujian**

TPG bagi pegawai yang dilantik mulai 1 Julai 2004 hingga 12 April 2006 adalah ditetapkan pada 1 April tahun berikutnya.

- (d) **Skim Perkhidmatan Yang Menetapkan Gaji Permulaan P1T2 Bagi Ijazah Sarjana Muda Dan P1T5 Bagi Ijazah Sarjana Muda Kepujian**

TPG bagi pegawai yang dilantik mulai 1 Julai 2003 hingga 12 April 2006 adalah ditetapkan pada 1 April tahun berikutnya.

13. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pegawai yang terlibat adalah seperti di **Lampiran A1, A2, A3, A4, A5, A6, A7, A8, A9.**

PERTANYAAN

14. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah dirujuk kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Jabatan Perkhidmatan Awam

Bahagian Latihan

Aras 6, Blok C1, Parcel C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 PUTRAJAYA

Tel : 03-88853364

Faks : 03-88892179

E-mel : recog@jpa.gov.my

TARIKH KUAT KUASA

15. Tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini adalah mulai 13 April 2006.


PEMBATALAN

16. Dengan berkuat kuasanya pekeliling ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1987 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1989 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

17. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

Tarikh: 3 November 2006

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Malaysia

Setiausaha, Suruhanjaya Pasukan Polis Diraja Malaysia

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A1

**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU
PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S41
BERIKUTAN NILAI TARAF BARU KELAYAKAN IJAZAH SARJANA MUDA
DALAM BIDANG SASTERA/ SAINS KEMASYARAKATAN DARI
UNIVERSITI-UNIVERSITI DI MESIR DAN ARAB SAUDI**

TPG asal : 1 Januari

TPG baru : 1 April 2007

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
31.12.05	1468.60 (P1T1)	-	Gaji pada 31.12.2005.
1.1.06	1547.25 (P1T2)	-	TPG asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
13.4.06	1547.25 (P1T2)	1625.90 (P1T3)	Tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Gaji diselaraskan ke- matagaji permulaan baru.
1.4.07	-	1704.55 (P1T4)	TPG baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia

LAMPIRAN A2

**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU
PEGAWAI PENERANGAN GRED S41 BERIKUTAN NILAI TARAF BARU
KELAYAKAN IJAZAH SARJANA MUDA DALAM BIDANG
SASTERA/ SAINS KEMASYARAKATAN DARI
UNIVERSITI-UNIVERSITI DI MESIR DAN ARAB SAUDI**

TPG asal : 1 Oktober

TPG baru : 1 April 2007

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
31.12.04	1468.60 (P1T1)	-	Gaji pada 31.12.2004.
1.10.05	1547.25 (P1T2)	-	TPG asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
13.4.06	1547.25 (P1T2)	1625.90 (P1T3)	TPG asal pada 1 Oktober. Pegawai diberi PGT pada tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Tidak terlibat dengan pelarasan gaji kerana pegawai telah berada di P1T3.
1.4.07	-	1704.55 (P1T4)	TPG baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

PGT - Pergerakan Gaji Tahunan

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia

LAMPIRAN A3

**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU
PENGUASA KASTAM GRED W41 BERIKUTAN NILAI TARAF BARU
KELAYAKAN IJAZAH SARJANA MUDA DALAM BIDANG
SASTERA/ SAINS KEMASYARAKATAN DARI
UNIVERSITI-UNIVERSITI DI MESIR DAN ARAB SAUDI**

TPG asal : 1 April

TPG baru : 1 April 2007 (kekal)

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
31.12.04	1480.70 (P1T1)	-	Gaji pegawai pada 31.12.2004.
1.4.05	1560.56 (P1T2)	-	TPG asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.4.06	1640.42 (P1T3)	-	TPG asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
13.4.06	1640.42 (P1T3)	-	Tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Tidak terlibat dengan pelarasan gaji ke matagaji permulaan baru kerana telah berada di matagaji P1T3.
1.4.07	1720.28 (P1T4)	-	TPG kekal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia

**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU PEGAWAI
KESELAMATAN GRED KP41 BERIKUTAN NILAI TARAF BARU
KELAYAKAN IJAZAH SARJANA MUDA DALAM BIDANG
SASTERA/ SAINS KEMASYARAKATAN DARI
UNIVERSITI-UNIVERSITI DI MESIR DAN ARAB SAUDI**

TPG asal : 1 April

TPG baru : 1 April 2007 (kekal)

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.4.06	1471.02 (P1T1)	-	Lantikan baru
13.4.06	1471.02 (P1T1)	1628.32 (P1T3)	Tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Gaji diselaraskan ke matagaji permulaan yang baru.
1.4.07	-	1706.97 (P1T4)	TPG kekal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia

**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH GRED DG41
BERIKUTAN NILAI TARAF BARU KELAYAKAN IJAZAH SARJANA MUDA
DALAM BIDANG SASTERA/ SAINS KEMASYARAKATAN DARI
UNIVERSITI-UNIVERSITI DI MESIR DAN ARAB SAUDI**

TPG asal : 1 April

TPG baru : 1 April 2007

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
31.12.05	1553.30 (P1T2)	-	Gaji pada 31.12.2005
1.4.06	1631.95 (P1T3)	-	TPG asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
13.4.06	1631.95 (P1T3)	1710.60 (P1T4)	Tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Gaji pegawai di selaras ke matagaji permulaan baru.
1.4.07	-	1789.25 (P1T5)	TPG kekal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia

**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH GRED DG41
BERIKUTAN NILAI TARAF BARU KELAYAKAN IJAZAH SARJANA MUDA
MUDA DALAM BIDANG SASTERA/ SAINS KEMASYARAKATAN DARI
UNIVERSITI-UNIVERSITI DI MESIR DAN ARAB SAUDI**

TPG asal : 1 Julai

TPG baru : 1 April 2007

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
31.12.05	1553.30 (P1T2)	-	Gaji pada 31.12.2005
13.4.06	1631.95 (P1T3)	-	TPG asal pada 1 Julai. Pegawai diberi PGT pada tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
13.4.06	1631.95 (P1T3)	1710.60 (P1T4)	Tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Gaji pegawai diselaraskan ke matagaji permulaan baru.
1.4.07	-	1789.25 (P1T5)	TPG baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

PGT - Pergerakan Gaji Tahunan

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia

**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH GRED DG41
BERIKUTAN NILAI TARAF BARU KELAYAKAN IJAZAH SARJANA MUDA
DALAM BIDANG SASTERA/ SAINS KEMASYARAKATAN DARI
UNIVERSITI-UNIVERSITI DI MESIR DAN ARAB SAUDI**

TPG asal : 1 Januari

TPG baru : 1 April 2007

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
2.1.06	1553.30 (P1T2)	-	Lantikan Baru.
13.4.06	1553.30 (P1T2)	1710.60 (P1T4)	Tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Gaji diselaraskan ke matagaji permulaan baru.
1.4.07	-	1789.25 (P1T5)	TPG baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia

**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU
PEGAWAI PENERBITAN GRED N41 BERIKUTAN NILAI TARAF BARU
KELAYAKAN IJAZAH SARJANA MUDA DALAM BIDANG
SASTERA/ SAINS KEMASYARAKATAN DARI
UNIVERSITI-UNIVERSITI DI MESIR DAN ARAB SAUDI**

TPG asal : 1 Julai

TPG baru : 1 April 2007

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
31.12.05	RM1548.46 (P1T2)	-	Gaji pada 31.12.2005
13.4.06	RM1548.46 (P1T2)	RM1627.11 (P1T3)	TPG asal pada 1 Julai. Pegawai diberi PGT pada tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Tidak terlibat dengan pelarasian gaji ke matagaji permulaan baru kerana pegawai telah berada di P1T3.
1.4.07	-	RM1705.76 (P1T4)	TPG baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

PGT - Pergerakan Gaji Tahunan

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia

LAMPIRAN A9

**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU
PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA GRED A41 BERIKUTAN
NILAI TARAF BARU KELAYAKAN IJAZAH SARJANA MUDA
DALAM BIDANG SASTERA/ SAINS KEMASYARAKATAN DARI
UNIVERSITI-UNIVERSITI DI MESIR DAN ARAB SAUDI**

TPG asal : 1 Oktober

TPG baru : 1 April 2007

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
31.12.04	RM1658.57 (P1T2)	-	Gaji pada 31.12.2004
1.10.05	RM1738.43 (P1T3)	-	TPG asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
13.4.06	RM1818.29 (P1T4)	-	TPG asal pada 1 Oktober. Pegawai diberi PGT pada tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
13.4.06	RM1818.29 (P1T4)	RM1898.15 (P1T5)	Gaji diselaraskan ke matagaji permulaan yang baru.
1.4.07	-	RM1978.01 (P1T6)	TPG baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

PGT – Pergerakan Gaji Tahunan

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia